

23/12/1998

Penyokong Anwar conteng kawasan sekitar mahkamah

KUALA LUMPUR, Selasa - Penyokong Datuk Seri Anwar Ibrahim bertindak di luar dugaan apabila menconteng kawasan sekitar Mahkamah Tinggi dengan perkataan bagi menyatakan sokongan mereka kepada Anwar.

Perkataan 'Reformasi', 'Hidup Anwar' dan 'Undur Mahathir' dipercayai dilakar menggunakan batu-bata di hadapan pintu masuk utama Mahkamah Tinggi, tempat Anwar dibicarakan terhadap empat tuduhan rasuah.

Tindakan tidak bertanggungjawab itu mencemarkan imej mahkamah dan dipercayai dilakukan oleh penyokong reformasi antara lewat malam tadi dan awal pagi ini.

Dua pekerja mahkamah kemudian membersihkan perkataan itu kira-kira jam 9.25 pagi selepas orang ramai mula beredar dari pekarangan mahkamah apabila tempat duduk orang awam mengikuti perbincangan Anwar sudah penuh.

Kira-kira jam 9.20 pagi, beberapa anggota Pasukan Simpanan Persekutuan (FRU) ditempatkan di hadapan pintu masuk Mahkamah Tinggi untuk mengelakkan orang ramai berkumpul di kawasan berkenaan.

Ketua Polis Kuala Lumpur, Datuk Kamarudin Md Ali, berkata pihaknya memandang serius tindakan menconteng sekitar mahkamah itu kerana ia boleh mencemarkan kawasan mahkamah.

Menurutnya, polis tidak menolak kemungkinan menjalankan pemerhatian dan siasatan mengenai kejadian itu.

"Kita memandang serius perkara berkenaan kerana ia adalah tindakan yang boleh dianggap mencemar mahkamah, tetapi sehingga lewat petang ini belum ada laporan polis dibuat mengenai kejadian," katanya ketika dihubungi di sini hari ini.

Menurutnya, tindakan mencemar kawasan mahkamah menjadi kesalahan mengikut Seksyen 15(2) Undang-Undang Kecil dan boleh didenda tidak melebihi RM1,000 atau penjara tidak melebihi setahun atau kedua-duanya sekali jika sabit kesalahan.

Sehubungan itu, Kamarudin berkata polis juga akan meningkatkan rondaan di sekitar Mahkamah Tinggi bagi mengelakkan kejadian itu berulang.

"Kita minta kerjasama orang ramai supaya jangan membuat perkara yang boleh mencemar kawasan mahkamah," katanya.

Polis berpakaian seragam, FRU dan Pasukan Gerakan Am (PGA) masih mengadakan kawalan bagi mengelakkan kejadian tidak diinginkan berlaku.

Kira-kira 50 penyokong Anwar berkumpul di belakang Masjid Jamek menghadap belakang Mahkamah Tinggi sejak jam 2.30 petang untuk melihat Anwar dibawa ke Penjara Sungai Buloh.

Kumpulan itu dilihat melambai-lambai dan bersorak serta melaungkan slogan reformasi apabila Anwar yang menaiki kenderaan pacuan empat roda meninggalkan perkarangan Mahkamah Tinggi kira-kira jam 3 petang.

Isteri Anwar, Datin Seri Dr Wan Azizah Ismail dan anaknya Nurul Izzah, meninggalkan mahkamah kira-kira lima minit sebelum itu dan turut mendapat tepukan serta sokongan orang ramai.

Orang ramai mula beredar dari kawasan itu selepas Anwar dibawa ke Penjara Sungai Buloh.

(END)